



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2009

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Bersalin diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam selama 60 hari yang dikira mulai dari tarikh pegawai bersalin. Pegawai hendaklah mengemukakan perakuan bersalin dan permohonan cuti kepada Ketua Jabatan sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 bagi tujuan diluluskan Cuti Bersalin.

PELAKSANAAN

3. Penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

- a. pegawai boleh menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari **tarikh dijangka bersalin**;
- b. pegawai perlu mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/ klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran** surat pekeliling perkhidmatan ini;
- c. tempoh Cuti Bersalin yang diambil lebih awal dari tarikh dijangka bersalin ini adalah termasuk di dalam jumlah 60 hari Cuti Bersalin yang diperuntukkan kepada pegawai;
- d. kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini disediakan sebagai suatu pilihan kepada pegawai. Pegawai yang tidak berhasrat menggunakan kemudahan Cuti Bersalin lebih awal boleh menggunakan Cuti Bersalin tertakluk kepada kaedah sedia ada iaitu bermula dari tarikh pegawai bersalin sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 atau pindaannya dari semasa ke semasa; dan
- e. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini direkod di dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2009**.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 April 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**BORANG PERMOHONAN MENGGUNAKAN
CUTI BERSALIN LEBIH AWAL DARI TARIKH DIJANGKA BERSALIN
(Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009)**

.....
.....
.....
(Ketua Jabatan)

1. Saya memohon menggunakan kemudahan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh dijangka bersalin iaitu pada hingga Tarikh dijangka bersalin (EDD)* saya ialah pada.....
2. Permohonan Cuti Bersalin ini merupakan kalidalam perkhidmatan.
3. Bersama-sama ini disertakan dokumen sokongan daripada klinik/hospital Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin.
4. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan Pegawai :

Nama Pegawai :

Tarikh :

<u>KEGUNAAN PEJABAT</u>	
	LULUS / TIDAK LULUS
Tandatangan Ketua Jabatan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

* EDD –*expected delivery date*